

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 06.10.2025 MASA: 2:00PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM KOMUNITI-CERAMAH DAN PAMERAN
KESEDARAN DADAH DI SEKOLAH
(PROGRAM TEMPAT KERJA BEBAS DADAH)**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**09 OKTOBER 2025 (KHAMIS)
10.30 PAGI**

**SEKOLAH KEBANGSAAN KUALA MUDA, PENAGA
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid

Datuk Bandar Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Nursyahera Hafiza Binti Musa

Penolong Pengarah

Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berusaha Encik Fadzil Bin Sadikin

Ketua Penolong Pengarah Unit Hal Ehwal Murid

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

Yang Berusaha PKK Norulekhsan Binti Abdul Rahim

Pengarah Penjara Seberang Perai

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Harmizi Bin Mohamed

Guru Besar

Sekolah Kebangsaan Kuala Muda, Penaga

Yang Berusaha Ustaz Mohd Naim Bin Hj. Salleh

Penyelaras Kadun Penaga

Yang Berusaha Puan Siti Haslinda Binti Hasan

Pengarah Sumber Manusia Merangkap Penyelaras Majlis Perasmian
Ceramah Dan Pameran Kesedaran Dadah Di Sekolah
(PROGRAM TEKAD)

Ketua-Ketua Jabatan Dan Pegawai-Pegawai Kanan
Kerajaan Persekutuan Dan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Guru-guru dan pelajar-pelajar yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi ini dalam sebuah program yang penuh makna – Program Komuniti: Ceramah dan Pameran Kesedaran Dadah sempena Sambutan Hari Bandaraya Seberang Perai kali ke-6.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada **pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Penjara Malaysia**, pihak sekolah, penceramah serta semua yang hadir. Kehadiran tuan-tuan, puan-puan dan anak-anak pelajar sekalian membuktikan bahawa kita bersama dalam satu misi – **menyelamatkan generasi kita daripada ancaman dadah.**
3. Hadirin yang saya hormati,

Dadah ini ibarat musuh dalam selimut. Ia tidak mengetuk pintu bila mahu masuk, tidak memberi salam bila mahu merosakkan, tetapi senyap-senyap meragut akal, kesihatan, keluarga, dan masa depan. Statistik boleh berubah, tetapi hakikatnya – seorang anak yang terjebak, adalah satu masa depan yang musnah.

4. Justeru itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mengambil tanggungjawab serius dengan menjadi salah satu agensi kerajaan yang aktif dalam pelaksanaan Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD). Malah, pada 24 November 2023, MBSP telah menerima **Sijil TEKAD** – tanda komitmen kita dalam melawan gejala ini di tempat kerja. Hari ini pula, kita memperbaharuiinya, kerana perjuangan ini tidak pernah berhenti.
5. Program ini bukan sekadar ceramah dan pameran. Ia lebih daripada itu. Melalui perkongsian **AADK** dan **Jabatan Penjara Malaysia**, kita akan mendengar kisah benar – kisah yang mungkin menggetarkan hati. Bagaimana dadah boleh menukar seorang pelajar cemerlang menjadi pesalah jenayah. Bagaimana sebuah keluarga bahagia boleh hancur hanya kerana najis dadah.
6. Saya mahu anak-anak yang hadir membuka mata dan hati. Ingatlah, dadah tidak pernah menawarkan kebahagiaan. Ia hanya membawa penyesalan. Jangan biarkan diri anda menjadi mangsa, jangan biarkan impian ibu bapa hancur, dan jangan gadaikan masa depan hanya kerana keseronokan sementara.
7. Sebagai Datuk Bandar, saya mengimpikan Seberang Perai bukan sahaja indah dari segi landskap dan pembangunan, tetapi juga **bersih dari gejala sosial**. Harapan saya agar melalui program ini, kita dapat

membina **generasi yang sihat, berdisiplin, berakhlak mulia, serta bebas daripada pengaruh dadah.**

8. Ingatlah anak-anak sekalian – hari ini anda adalah pelajar, esok anda adalah pemimpin. Negara ini menunggu anda. Jangan biarkan dadah merampas potensi hebat yang ada dalam diri anda.
9. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, serta dengan penuh harapan dan tekad, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Komuniti – Ceramah dan Pameran Kesedaran Dadah di Sekolah (Program Tempat Kerja Bebas Dadah).**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.